

22/02/2004

Kisah kroni Mahathir dan Anwar dan matinya sebuah bank

Noor Azam

DARI Kaherah, saya melangkah ke Jakarta dan Bandung. Tujuannya untuk menghormati penganugerahan ijazah Doktor Kehormat Ekonomi oleh Universitas Pajajaran kepada Tun Dr Mahathir Mohamad. Bagi saya, anugerah itu amat berharga kerana ia diberikan setelah Dr Mahathir tidak lagi memegang apa-apa jawatan.

Semenjak bersara dari Setiausaha Politiknya, saya tak pernah mengikuti lawatan Dr Mahathir di dalam mahupun di luar negara. Semasa jadi PM, ke mana pun beliau pergi, ramailah yang ikut. Yang menghantar dan menyambut di lapangan terbang pun sentiasa penuh sesak. Ada yang datang dari jauh. Macam-macam orang. Macam-macam gaya dan kerenah.

Kali ini saya pasti tidak ramai yang akan ikut, kerana tak jadi Perdana Menteri lagi. Ramalan saya salah. Bukan saja tidak ramai, malah tiada seorang pun tokoh politik, ahli perniagaan atau orang ternama yang muncul, meskipun perjalanannya dekat dan biayanya murah.

Teringatlah saya kepada peristiwa kecil, tetapi cukup mengesankan, di Lapangan Terbang Aswan, Mesir, akhir bulan lalu. Saya terserempak dengan teman lama yang sangat saya hormati, yang sama-sama hendak berangkat ke Kaherah. Ketika berbual dengan teman ini, isteri saya pun berbual dengan isterinya.

NOOR AZAM, KRONI MAHATHIR: LOADED!

DI ATAS kapal terbang isteri saya bercerita. Katanya, isteri teman itu kata, "Noor Azam loadedlah dia. Kroni Mahathir."

Saya tanya isteri saya, "Bagaimana komen itu boleh timbul?". Di tempat yang beribu-ribu batu jauhnya dari Kuala Lumpur!.

Katanya, "Dah tak ingat. Kami bersembang beberapa minit saja."

Komen ini amat berkesan di hati, kerana tak pernah terfikir ia terkeluar dari mulut isteri teman saya ini. Ini bermakna komen atau tuduhan seperti ini tentulah jadi buah mulut orang lain juga, termasuk kaum wanita yang tak terbabit dalam politik atau perniagaan. Ini juga menunjukkan anggapan yang buruk ini telah lama meledak dalam kepala isteri teman saya ini. Menanti saya untuk dilepaskan.

Memanglah, setelah tuduhan kroni (sama dengan rasuah dan penyelewengan kuasa) dilemparkan kepada Dr Mahathir, ramai orang Melayu yang kena 'penyakit kroni'. Sikit-sikit kroni. Asalkan nampak orang yang senang sikit - lebih-lebih lagi Melayu - kronilah!

Sampai sekarang pun tak habis-habis lagi. Penyakit lama orang Melayu. Tak boleh tengok bangsanya senang. Entah apalah sebabnya, kita amat tidak suka untuk memuji kejayaan bangsa kita, terutama dalam perniagaan. Kalau ada yang berjaya, dituduh mestilah kejayaan itu dicapai dengan cara yang tidak baik. Jika ada orang Melayu yang jatuh, kita pun suka, bergelak ketawa.

Apakah kerana saya pernah jadi Setiausaha Politiknya, maka saya seorang kroni Mahathir? Ada beratus, mungkin beribu orang yang pernah bekerja dan membantu beliau, yang nampak hidup senang. Jika begitu, benarlah seperti kata Dr Mahathir: Memang ramailah kroni saya. Dan oleh kerana itu, Noor Azam pastilah diberikan lesen atau bisnes, hingga hidupnya mewah.

TAK AKAN DR MAHATHIR TAK BAGI APA-APA

MEMANG ada kawan-kawan dan orang yang pernah kata, "You untunglah. Tak akan Dr Mahathir tak bagi apa-apa." Tetapi kerana tuduhan itu dibuat berdepan, dapatlah saya tanya kembali, "Apa benda yang Dr Mahathir bagi pada saya?" Dan apabila pertanyaan ini tiada jawapan, cerita ini pun mati

begitu saja; berganti dengan cerita lain.

Akan tetapi, untuk berlaku adil, terutama dalam hubungan Dr Mahathir dengan saya, komen yang timbul mendadak di Lapangan Terbang Aswan itu, perlu saya jelaskan sedikit.

Semasa saya jadi Setiausaha Politik, saya dibayar gaji RM3,000 sebulan dengan kemudahan sebuah motokar Volvo 240 dan seorang pemandu. Selepas bersara, motokar berumur 10 tahun itu diambil balik oleh kerajaan. Saya dapat pencen RM1,500, di samping pencen DBP, juga RM1,500 sebulan.

Saya telah membuat keputusan: Saya tidak boleh jadi politician kerana banyak perkara yang saya tidak mampu lakukan. Antaranya saya tidak ada wang. Semenjak tahun 1978 saya telah tulis, bahawa wang akan memainkan peranan penting dalam politik kita.

Maka saya bercadang untuk menjadi penulis tamu di Universiti Sains Malaysia. Angan-angan nak tulis buku sejarah perjuangan kebangsaan dan menerbitkan majalah berita mingguan dengan Baha Zain (Datuk Baharuddin Zainal). Cita-cita ini tidak jadi, kerana Dr Mahathir menyarankan saya ke TV3. Baha Zain meneruskan rancangan penerbitan majalah. Tetapi seperti yang telah kami jangka, risiko kegagalan terlalu tinggi.

#### BELI DATUK KERAMAT DAN UMBC

SETELAH berbincang dengan Tan Sri Halim Saad yang waktu itu menguasai Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB), saya bersetuju jadi Pengerusi TV3 dengan elaun RM5,000 dengan sebuah motokar dan pemandu. Pengalaman di TV3 ini mengajar dan mendorong saya memasuki dunia perniagaan secara aktif. Inilah pemberian Dr Mahathir yang amat berharga kepada saya: ilmu dan pengalaman berniaga.

Sebenarnya saya telah mula melabur dalam satu perusahaan, di Johor Bahru, pada awal tahun 1980-an, tanpa mengambil apa-apa bahagian yang aktif. Hasil penjualan perusahaan itulah membolehkan saya dan dua rakan kongsi membeli Datuk Keramat Holdings yang kemudiannya dipergunakan untuk membeli UMBC yang waktu itu ada masalah.

Dalam undang-undang perbankan kita, untuk membeli mana-mana bank mestilah dengan persetujuan menteri kewangan. Dan yang jadi menteri kewangan waktu itu adalah Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dialah yang memberikan persetujuan.

Jika persetujuan ini termasuk dalam istilah praktik kroni, maka saya adalah kroni Anwar Ibrahim. Dan dalam hal ini, saya memang berhutang budi kepada Anwar Ibrahim. Tidak pernah langsung terlintas dalam angan-angan saya hendak memiliki bank. Semasa di bank ini saya mendapat elaun yang sangat lumayan dan berpuas hati kerana dapat menolong beberapa orang kawan.

Malangnya seorang pegawai kanan Bank Negara - orang kepercayaan Anwar Ibrahim - sentiasa saja mencari jalan memburukkan keadaan, meskipun bank ini membuat keuntungan berlipat ganda. Antara isu yang ditimbulkan: Pemegang Saham dan pengerusi bank ini adalah bekas Setiausaha Politik Perdana Menteri.

#### TAMAK DAN DENGKI MEMBAKAR DIRI

PEGAWAI kanan Bank Negara ini dari mula lagi tidak bersetuju syarikat saya membeli bank berkenaan, kerana dia bercadang memberikan kepada orang lain. Akhirnya Dr Mahathir memberitahu saya: "Juallah bank itu. Kacau sangat!"

Maka dengan berat hati dijuallah dengan harga yang dipaksakan. Dan orang yang diinginkan oleh pegawai Bank Negara itu pun masuklah menerajui UMBC. Tidak sampai setahun, bank yang besar itu pun runtuh berkecai. Ketua Eksekutifnya dihadapkan ke mahkamah. Kesnya hilang tanpa berita.

Tidak lama kemudian, pegawai kanan Bank Negara ini pun dihadapkan ke mahkamah juga kerana melakukan penyelewengan.

Berikutnya beliau membuat kenyataan bersumpah secara terbuka, menuduh

Anwar Ibrahim melakukan penyelewengan beribu juta. Tuduhan ini hilang bersama hilangnya kisah seorang bekas pegawai kanan Bank Negara, kesayangan Anwar Ibrahim.

Saya menjual kepentingan saya dalam Datuk Keramat pada tahun 1999. Adalah sedikit untung. Tamatlah pembabitan saya dalam dunia korporat. Akhirnya, riwayat UMBC pun tamat juga. Bank yang asalnya kepunyaan orang Cina ini ditamatkan riwayatnya oleh orang Melayu.

Begitulah adanya kisah manusia. Tamak dan dengki membakar diri.

PEMBETULAN MINGGU LALU

Kolum 5 para 3 dari atas: "Kita juga tidak patut menghantar pelajar untuk pengajian Islam atau Islamic Study di Amerika...." Yang betul: "Kita juga tidak patut menghantar pelajar untuk pengajian Islam ke Pakistan. Orang merasakan pengajian tinggi Islam atau Islamic Study di Amerika atau England lebih moden dan lebih relevan dengan tuntutan zaman."

(No 86 Jalan SS22/32, Damansara Jaya, Selangor - 19 Februari 2004)